



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

Jabatan Pelesenan

Tingkat 13, Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran

40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

No. Tel : 03-55105133 samb. 1485/1246/1702 No. Fax : 03-55120226

Email : lesen@mbsa.gov.my Laman Web : www.mbsa.gov.my

PINDAAN OGOS 2025

BORANG PERMOHONAN LESEN ANJING

Sila kembalikan borang ini dua (2) salinan berserta maklumat di bawah dengan bayaran memproses lesen sebanyak RM 10.00.

PEMOHON PERLU MENGEMUKAKAN SENARAI DOKUMEN SEPERTI BERIKUT:

1. Salinan kad pengenalan
2. Gambar penuh anjing yang dipelihara
3. Gambar berukuran pasport pemohon / pemunya anjing
4. Gambar sekitar premis/ kediaman
5. Gambar lokasi rumah anjing
6. Surat pemeriksaan Doktor Veterinar / sijil daripada Jabatan Haiwan
7. Surat mandul daripada Doktor Veterinar (baka kacukan tempatan (mongrel/ mixbreed)

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

ADA	TIADA

Disahkan Oleh Petugas :

.....

Tandatangan / Cop :

.....

SYARAT-SYARAT UNTUK MENDAPATKAN LESEN ANJING :

1. Anjing mencapai umur tiga (3) bulan perlu mendapatkan lesen daripada Majlis Bandaraya Shah Alam.
2. Jenis premis yang dibenarkan memelihara anjing ialah:-

i.	Rumah Kediaman Sesebuah (Banglo)	:	2 ekor
ii.	Rumah Berkembar (Semi-D) & cluster	:	2 ekor
iii.	Rumah Teres Lot Hujung (Conner Lot)	:	2 ekor
iv.	Rumah Teres Lot Tepi (End Lot)	:	1 ekor
v.	Rumah Teres Lot Tengah (Intermediate)	:	1 ekor
vi.	Kilang Sesebuah dan Kelab Eksekutif	:	2 ekor

3. Jenis premis bertingkat / strata seperti pangsapuri, townhome, dan lain-lain berkaitan adalah **tidak dibenarkan**.
4. Pemohon / pemunya anjing hendaklah mempamerkan papan tanda menunjukkan premis mempunyai anjing.
5. Jenis anjing **tidak dibenarkan** dipelihara ialah **Akita, American Bulldog, Dogo Argentino, Fila Brasileiro, Japanese Tosa, Neapolitan Mastiff, Pit Bull Terrier / American Pit Bull dan Staffonshire Bull Terrier**.
6. Anjing dari jenis Rottweiler tidak dilarang untuk dipelihara tetapi pemilik perlu mendapatkan pengesahan kesihatan fizikal haiwan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor sebelum dilesenkan oleh PBT. Borang tersebut boleh didapati di Jabatan Veterinar Daerah Petaling, Lot 2, Jalan Utas 15/7, Seksyen 15 di talian 03- 55103900 atau 03-55100614. Syarat mendapatkan kebenaran khas ini bagi permohonan baru sahaja.
7. Bagi Pemilik lesen sedia ada, lesen boleh diperbaharui sehingga anjing tersebut mati. Walaubagaimanapun, Majlis berhak untuk menarik semula lesen sekiranya terdapat aduan dan berlaku pelanggaran dalam mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis.

8. Pemunya anjing hendaklah :-
 - i. Perlu menyelenggara rumah anjing di mana anjing itu ditempatkan dalam keadaan cuci dan bersih,
 - ii. Perlu membuang dari premisnya apa-apa bahan najis daripada anjing dengan apa-apa cara yang tidak mungkin akan menyebabkan kesalahan atau kesusahan pada orang lain,
 - iii. Perlu mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan anjing tidak mengganggu disebabkan oleh salakan yang tidak berhenti-henti atau selainya kepada jiran-jirannya,
 - iv. Perlu mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak merayau di luar kawasan premis pemunya dan anjing itu hendaklah berikat dan dipakaikan sarung mulut ketika dibawa keluar oleh pemunya,
 - v. Tidak boleh membawa anjing ke tempat-tempat awam untuk membuang najis,
 - vi. Anjing perlu dipakaikan dengan tag anjing sepanjang masa.
9. Mana-mana anjing yang berumur lebih daripada tiga (3) bulan dijumpai terlepas bebas atau dijumpai di tempat awam dengan tidak memakai lencana/tag logam lesen, pihak Majlis Bandaraya Shah Alam boleh merampas atau membinasakan anjing tersebut.
10. Pemilik anjing hendaklah pastikan anjing telah disuntik dengan vaksin iaitu penyakit canine distemper, parvo virus dan hepatis. Vaksinasi ini perlu disuntik setiap tahun.
11. Segala peraturan tertakluk kepada undang-undang dan arahan Majlis dari masa ke semasa.
12. Sesiapa yang melanggar mana-mana Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007 ini, adalah melakukan satu kesalahan dan boleh disabitkan kesalahan dan dikenakan denda tidak lebih daripada **RM 2,000.00** atau dihukum penjara tidak lebih daripada **(1) satu tahun** atau kedua-duanya sekali.
13. Kadar bayaran lesen dan tag anjing adalah seperti berikut :-

BIL.	JENIS BAYARAN	KADAR BAYARAN SEEKOR (RM)	
		LESEN	TAG
1.	Bayaran lesen dan tag anjing	10.00	10.00
2.	Lesen dan tag anjing bagi warga emas yang berumur 56 tahun ke atas (permohonan baru sahaja)	5.00	5.00
3.	Pengecualian bayaran lesen bagi OKU	0.00	0.00

A. BUTIR-BUTIR PERMOHONAN

1. Nama Pemohon : _____
2. No.Kad Pengenalan : _____
3. Alamat : _____
3. Warganegara : _____
4. No. Passport (bukan warganegara) : _____
5. Bangsa : _____
6. No. Tel. Rumah / Bimbit : _____

B. BUTIR-BUTIR ANJING

1. Nama Anjing : _____
2. No. lesen Anjing : _____
3. Jantina : ☐ Jantan ☐ Betina
4. **Baka (Breed)(WAJIB ISI)** : _____
5. Warna : _____
6. Umur : _____
7. Berapa tahun pelihara anjing : _____
8. Jumlah anjing yang dipelihara : 1 ekor ☐
2 ekor ☐

C. TEMPAT ANJING DIPELIHARA

9. Jenis Bangunan :
- | | |
|--|--------------------------|
| i. Rumah Sesebuah (Banglo) | ☐ |
| ii. Rumah Berkembar (Semi-D) | ☐ |
| iii. Rumah Teres Lot Hujung (Corner Lot) | ☐ |
| iv. Rumah Teres Lot Tepi (End Lot) | ☐ |
| v. Rumah Teres Lot Tengah (Intermediate) | ☐ |
| vi. Cluster | ☐ |
| vii. Kilang Sesebuah dan Kelab Eksekutif | ☐ |
| viii. Lain-lain sila nyatakan | ☐ |
2. Luas kawasan luar rumah/premis _____ m.p.s

D. PENGAKUAN PEMOHON (PEMILIK ANJING)

Saya (nama pemilik anjing) no. Kad pengenalan mengaku dan akan mematuhi semua syarat-syarat untuk mendapatkan lesen anjing seperti senarai yang dilampirkan bersama borang permohonan ini.


.....
Tarikh

.....
Tandatangan Pemohon


GAMBAR PENUH ANJING YANG DIPELIHARA



GAMBAR LOKASI RUMAH ANJING



GAMBAR SEKITAR PREMIS/ KEDIAMAN



GAMBAR PEMUNYA / PEMOHON (BERUKURAN PASPORT)

